

UUM ONLINE: Prof. Dr. Abdul Razak Saleh dan Prof. Ir. Dr. Che Sobry Abdullah masing-masing menerima pelantikan ke jawatan Profesor Gred Khas (VK6) yang telah disempurnakan oleh Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof. Dr. Mohamed Mustafa Ishak di Bilik Mesyuarat Naib Canselor, pagi tadi.

Prof. Dr. Abdul Razak Saleh yang juga Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi (TNC P&I) mula berkhidmat dengan UUM sebagai Penyelia Group Kembara dan pensyarah pada 1986.

Bidang pengajaran utama beliau ialah kaedah penyelidikan, pengantar statistik, analisis keputusan, analisis data lanjutan serta analisis dan rekabentuk sistem.

Anak kelahiran tahun kemerdekaan negara iaitu pada 1 Mac 1957 ini mencapai kejayaan dalam beberapa bidang termasuk penyelidikan, perundingan, penulisan, ucapan utama dan telah menerima beberapa pengiktirafan utama seperti Anugerah Pameran Penyelidikan dan Pembangunan IPTA 2005 bagi kategori usahawan, Anugerah Khas Perundingan Terbaik, Anugerah Khas Penyelidik Terbaik, Anugerah Khidmat Cemerlang dan beberapa anugerah lain dalam negara.

Manakala, di luar negara pula antara anugerah yang dimenangi ialah Phi, Kappa Phi, Sigma Xi (Scientific Research Society, Honorary) dan Gamma Sigma Delta (Agricultural and Biological Sciences, Honorary) dari Louisiana State University, USA.

Sementara itu, Prof. Ir. Dr. Che Sobry Abdullah pula yang mendapat pendidikan awal di Sekolah Sultan Ahmad Tajuddin Jitra mula berkhidmat di Universiti Teknologi Malaysia pada 1976 sebelum melaporkan diri di UUM pada Jun 1996.

Beliau yang dilantik sebagai Profesor pada 2000 menerbitkan jurnal mengenai kejuruteraan, buletin jurutera, penerbitan, makalah akademik, membentangkan kertas kerja dalam persidangan dan membuat pelbagai penyelidikan.

Anak bekas guru ini berharap semua kakitangan di universiti ini memainkan peranan dalam bidang masing-masing agar kecemerlangan dapat dinikmati bersama.

Sementara itu, Naib Canselor UUM, Prof. Dr. Mohamed Mustafa Ishak ketika berucap di majlis penyerahan itu mengucapkan tahniah kepada Prof. Dr. Abdul Razak Saleh dan Prof. Ir. Dr. Che Sobry Abdullah dengan harapan dapat membantu meningkatkan bidang akademik di kampus ini.

"Saya yakin detik ini sangat bermakna bagi kedua professor yang menerima kenaikan pangkat ini dan akan mencurahkan pengalaman serta kekuatan akademik yang terdapat pada mereka ini untuk memberi input kepada universiti ini terutama dalam bidang penyelidikan,"ujar beliau lagi.

Beliau yakin dengan pengiktirafan yang diberikan ini akan memberikan galakan kepada lebih ramai kalangan kakitangan akademik untuk belajar dengan lebih kuat dan memberi sumbangan kepada universiti.

Habis.